

05 APR 2001

Mahathir - Perak

DR MAHATHIR BERTEMU AJK PENAJA PUTERI UMNO PERAK

IPOH, 5 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan pertemuan dengan jawatankuasa penaja Puteri Umno Perak di sini Sabtu ini sempena lawatan rasminya ke negeri ini selama dua hari mulai esok.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, dijadual menemui 20 anggota jawatankuasa itu di Hotel Parkroyal Casuarina, demikian menurut kenyataan Pejabat Menteri Besar hari ini.

Beliau juga akan mengadakan pertemuan dengan anggota Umno selain menghadiri Majlis Bersama Rakyat di tiga tempat iaitu di Parit Buntar, Parit dan di sini.

Ketibaan Dr Mahathir di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia, Butterworth akan disambut oleh Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Perdana Menteri akan memulakan lawatan ke Parit Buntar dengan mengadakan perjumpaan tertutup dengan anggota jawatankuasa cawangan-cawangan Umno Bahagian Parit Buntar dan Bagan Serai di Dewan Merdeka.

Selepas itu, beliau akan menghadiri majlis makan tengah hari bersama rakyat di Dewan Seri Kerian sebelum menunaikan solat Jumaat di Masjid Daerah Parit Buntar.

Pada petangnya Dr Mahathir akan mengadakan perjumpaan tertutup dengan anggota jawatankuasa cawangan-cawangan Umno Bahagian Parit dan Beruas di Dewan Majlis Daerah Parit sebelum menghadiri majlis jamuan teh bersama rakyat di perkarangan dewan itu.

Perdana Menteri kemudian akan menghadiri jamuan makan malam bersama rakyat di Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini.

Keesokannya, beliau akan mengadakan pertemuan dengan anggota-anggota Badan Perhubungan Umno Negeri di sini sebelum menemui jawatankuasa penaja Puteri Umno Perak.

Selepas itu, Perdana Menteri akan berlepas ke Gua Musang, Kelantan.

-- BERNAMA

HK MAI